

07 APR 2001

Abdullah-Globalisasi

GLOBALISASI GAGAL NAIKKAN TARAF HIDUP PENDUDUK DUNIA

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Globalisasi yang sepatutnya membawa kebaikan kepada semua negara melalui pasaran terbuka, peliberalan, pembatalan kawal selia dan perubahan teknologi gagal menaikkan taraf hidup majoriti penduduk dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, globalisasi sangat memerlukan ciri-ciri kemanusiaan dengan peluang dan manfaat daripadanya perlu dikongsi dengan lebih luas dan sama rata.

"Jika tiada apa yang dilakukan untuk menangani jurang yang semakin melebar, globalisasi akan membawa lebih banyak ancaman terhadap keselamatan dan kesejahteraan umat manusia," kata Abdullah dalam ucapannya di pelancaran Sidang Kemuncak Pemuda 2001 di Universiti Malaya di sini, hari ini.

Beliau berkata walaupun globalisasi mempunyai kelebihannya sendiri ia bagaimanapun menyebabkan jurang dan ketidaksaksamaan yang teruk dan kini ia nampak macam mereka yang berada sahaja mendapat lebih banyak manfaat berbanding golongan tidak berada.

Menjelang 1997, jurang pendapatan antara satu perlima penduduk di negara-negara paling kaya dan satu perlima penduduk di negara termiskin ialah 74 kepada 1, meningkat dari 60 kepada 1 pada 1990 dan 30 kepada 1 pada 1960.

Menjelang lewat 1990-an, satu perlima daripada penduduk di negara-negara dengan pendapatan tinggi menguasai 86 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sementara satu perlima di negara-negara miskin hanya menguasai satu peratus.

"Ketidaksaksamaan dan jurang dalam pendapatan serta peluang terus meningkat dan kini kita sedang menyaksikan kemunculan jurang digital pula antara penduduk dengan capaian kepada Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan mereka tanpanya," kata beliau.

Beliau berkata pasaran modal antarabangsa yang tidak terkawal membawa kepada krisis ekonomi Asia pada 1997 yang meninggalkan kesan kemusnahan sosio-ekonomi yang masih belum dapat dipulihkan lagi.

"Oleh sebab itu, kestabilan politik yang selama ini menjadi mercu tanda rantau Asia Tenggara tidak lagi terjamin," kata Abdullah, yang juga turut serta dalam sesi dialog 20-minit bersama lebih 500 penuntut yang menghadiri sidang kemuncak itu.

Nampaknya dunia menutup mata terhadap nasib yang menimpa 1.3 bilion penduduknya yang tidak mempunyai bekalan air bersih; atau satu daripada tujuh murid sekolah rendah yang tercicir daripada sekolah; atau 840 juta penduduk yang tak seimbang pemakanannya; atau 1.3 bilion orang yang berpendapatan kurang daripada satu USD se hari.

Dalam konteks negara Abdullah berkata, Malaysia juga menghadapi satu lagi ancaman kegawatan ekonomi kerana pergantungannya pada ekonomi Amerika Syarikat sebagai destinasi utama eksport dan sebagai rakan utama perdagangan dan pelaburan.

"Kita bersedia menghadapi kemerosotan ekonomi Amerika," dan menambah kata prospek di Amerika dan ekonomi Jepun yang lembap memaksa ramalan ekonomi negara dilaraskan bagi tahun ini dan kerajaan menyediakan peruntukan tambahan untuk merangsangkan pelaburan domestik dan penggunaan.

"Ini sekali lagi menunjukkan yang dalam ekonomi dunia yang semakin saling bergantung dan saling berkaitan daripada segi apa yang berlaku...sama ada suka atau tidak, dan sama ada kita dapat mengawalinya

atau tidak, perkembangan di dunia akan memberi kesan kepada kita," katanya.

Beliau berkata jawapan dalam menangani globalisasi ialah bagaimana Malaysia menguruskan impak globalisasi terhadap negara dan bagaimana untuk merespon terhadapnya.

Abdullah berkata satu contoh bagaimana kerajaan bercadang mengharungi arus globalisasi terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (OPP3) yang dilancarkan baru-baru ini.

Pada Isnin lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membentangkan rancangan itu di Parlimen yang menggariskan strategi menguruskan ekonomi Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang.

"Seperti yang dinyatakan dalam rancangan itu, bagi Malaysia untuk terus kekal kompetitif dalam dunia globalisasi, penekanan lebih akan diberikan pada pembangunan berasaskan ekonomi.

"Kedua, hasil pembangunan ekonomi tidak akan membawa apa-apa makna jika kita tidak mewujudkan satu masyarakat bersatu padu berdasarkan keadilan dan kesaksamaan," kata Abdullah.

Beliau berkata dalam mewujudkan masyarakat yang berasaskan pengetahuan negara mesti memastikan penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi berkualiti dan jangan hanya mementingkan bilangan mereka yang memasuki universiti.

-- BERNAMA

SR ZS PR